



# **POLISI ALAM SEKITAR**

Deleum Berhad (“Deleum”) dan/atau anak syarikatnya (“Kumpulan Deleum”) komited melindungi alam sekitar secara mampan, meminimumkan potensi kesan perubahan iklim terhadap alam sekitar dengan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Deleum akan sentiasa mematuhi undang-undang alam sekitar yang berkaitan dengan operasi kami.

Deleum juga akan berusaha untuk:

1. Melaksanakan system kawalan yang efektif bagi mengelakkan sebarang kejadian yang melibatkan pencemaran kepada alam sekitar melalui penilaian risiko, peluang dan kesan terhadap alam sekitar di mana wujudnya bahaya terhadap keselamatan dan kesihatan.
2. Mengekalkan hubungan dengan rakan industri, badan pengawalseliaan, dan pihak berkepentingan bagi memahami keperluan dan kepatuhan.
3. Menggalakkan penggunaan sumber yang cekap di semua premis, termasuk pengurangan bahan dan produk yang berbahaya serta sisa buangan melalui program pengurusan sisa buangan yang efektif.
4. Menjalankan penambahbaikan penilaian materialiti secara berterusan sejajar dengan keperihatinan alam sekitar.
5. Memberikan kesedaran dan pendidikan alam sekitar dengan memberi tumpuan kepada isu perubahan iklim di kalangan pekerja untuk bekerja dengan rasa bertanggungjawab terhadap alam sekitar.
6. Mematuhi undang-undang yang mengawal selia kerja – kerja, serta memenuhi piawaian tertinggi yang ditetapkan sebagai amalan terbaik dalam industri.
7. Meningkatkan prestasi alam sekitar dengan pemantauan dan audit terhadap amalan dan dasar polisi secara berkala.

Semua kakitangan DELEUM, kontraktor dan sub-kontraktor serta pekerja mereka dan pihak ketiga dalam premisnya hendaklah mematuhi dasar ini pada setiap masa.

**RAMANRAO BIN ABDULLAH**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
12 FEBRUARI 2022